



1,500 penghuni kolej Unisza bergotong- royong

aedes membiak.

"Malah kawasan kolej kediaman kita ini juga kerap diperiksa oleh pihak kesihatan supaya tiada air bertakung yang boleh mendorong berlakunya pembiakan nyamuk aedes," katanya.

Tambahnya, bagi menambahkan lagi kemeriahan aktiviti itu, peserta yang berjaya menemui tempat pembiakan nyamuk aedes diberikan ganjaran berupa hampet.

Sementara itu, program anjuran Pejabat Kolej Kediaman tersebut turut mendapat kerjasama Pusat Kesihatan Pelajar, Pusat Pembangunan Holistik Pelajar dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus.

GONG BADAK - Lebih 1,500 penghuni kolej kediaman Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Kampus Gong Badak menyertai gotong-royong bagi membanteras pembiakan nyamuk aedes di kawasan berkenaan.

Ketua Penyelaras Kesihatan Pelajar, Dr. Yusmina Mohd Yusof berkata, tujuan inisiatif itu dilaksanakan bagi memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar supaya menjaga kebersihan kawasan tinggal seterusnya mengelakkan pembiakan nyamuk aedes yang boleh membawa maut itu.

Menurutnya, tiada gunanya kawasan rumah cantik tetapi tidak bersih dan menjadi tempat nyamuk